KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

KHN.0042 Jld 2

8 Januari 2021

YA Hakim-Hakim
Mahkamah Persekutuan

Pegawai Khas/ Pegawai Penyelidik/ Timbalan Pendaftar/
Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Persekutuan

ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA
BILANGAN 2 TAHUN 2021
PENETAPAN HAD MASA BERHUJAH 20 MINIT BAGI PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MERAYU DI BAWAH SEKSYEN 96*(a)* AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964 [*AKTA 91*]

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subkaedah 107(5) dan kaedah 110 Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan 1995 [*P.U. (A) 376/1995*], dan bagi memastikan pengurusan masa dapat dilaksanakan secara efisien di Mahkamah Persekutuan, saya mengeluarkan Arahan ini bagi maksud menetapkan had masa berhujah secara lisan bagi pendengaran permohonan kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan di bawah Seksyen 96*(a)*, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*].

Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel : 03-88803502 Fax : 03-88803507

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN

2. Arahan Amalan ini terpakai di Mahkamah Persekutuan bagi pendengaran Notis Usul permohonan kebenaran untuk merayu yang ditetapkan untuk di dengar dengan kehadiran pihak-pihak di Mahkamah Terbuka.

3. Arahan amalan ini tidak terpakai bagi pendengaran permohonan kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan yang didengar secara teknologi komunikasi jarak jauh.

HAD MASA BERHUJAH

4. Had masa berhujah secara lisan ditetapkan pada dua puluh (20) minit bagi setiap pihak yang dibenarkan berhujah.

5. Penetapan had masa berhujah ini tidak termasuk pencelahan oleh hakim atau pihak-pihak lain atau hal keadaan lain yang dibenarkan oleh Pengerusi Panel Persidangan. Walau bagaimanapun Mahkamah boleh, atas budi bicara Pengerusi Panel Persidangan dan demi kepentingan keadilan—

(a) memberhentikan pihak-pihak daripada berhujah walaupun tempoh yang ditetapkan belum tamat; atau

(b) membenarkan pelanjutan tempoh berhujah walaupun tempoh yang ditetapkan telah tamat.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

6. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **8 Januari 2021.**

TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

EDARAN DALAMAN:

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak
Kuching
Sarawak

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perundangan
Mahkamah Persekutuan
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

EDARAN LUARAN:

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Yang Dipertua
Badan Peguam
Malaysia

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Sabah

Pengerusi
Persatuan Peguam Bela Sarawak
Sarawak